



Abdul Razak (lima dari kiri) bersama-sama kakitangan UMS yang terbabit dalam **program mem-**  
**bangunkan Timor Leste** Institute of Diplomatic Studies (IDS).

# UMS bantu Timor Leste

**Kota Kinabalu:** Enam kakitangan akademik Universiti Malaysia Sabah (UMS) terbabit dalam program membangunkan Timor Leste Institute of Diplomatic Studies (IDS) di bawah Kementerian Pendidikan dalam usaha membantu kerajaan Timor Leste.

Kakitangan terbabit kalangan tenaga pengajar Program Hubungan Antarabangsa Sekolah Sains Sosial, iaitu Prof Madya Dr Asmady Idris, Diana Peters, Wan Shawaluddin Wan Hassan dan Carlervin Sukim.

Dua pensyarah Pusat

Penataran Ilmu dan Bahasa, Dr Anantha Raman Govindasamy, Dr Lai Yew Meng juga terbabit.

IDS dipengerusikan Prof Madya Dr Abdul Razak Ahmad.

## **Jangkauan global**

Program dilaksanakan hasil inisiatif Jabatan Pengajian Tinggi di bawah program Jangkauan Global Malaysia. Bantuan itu bertujuan memperkukuh pengaruh negara pada peringkat antarabangsa menerusi sumbangan dan bantuan pintar dalam pendidikan tinggi khususnya kepada negara kurang dan

sedang membangun.

Inisiatif berkenaan bermula hujung tahun lalu dan dizahirkan menerusi penajuaran tiga siri bengkel merangka dan menggubal struktur kursus dan kurikulum Timor Leste IDS.

Selain kakitangan akademik UMS, program turut disertai ahli akademik dari Universiti Malaya, Khoo Ying Hooi; Prof Dr Rashila Ramli dan Dr D Ravichandran K Dhakshinamoorthy (Universiti Kebangsaan Malaysia) serta Prof Dr Kamarulnizam Abdullah, Dr Mohammad Zaki Ahmad dan Dr Ratnaria Wahid (Universiti Utara Malaysia).